

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 25 RABU 18 JUN, 1969

ربيع آخر 2 رابو 1389

PERCHUMA

Sambutan Hari Keputeraan D. Y. M. M. Baginda Queen

BANDAR BRUNEI. — Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen telah di-rayakan dengan satu upacara perbarisan di-padang besar Bandar Brunei pada hari Sabtu 14 Jun lepas.

Perbarisan yang di-dahului oleh pasukan Askar Gurkha Rifle itu adalah mengandungi pasukan2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pasukan Pulis Di-Raja Brunei.

Turut juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah Jabatan Laut, Kastam Di-Raja, pasukan Bomba, Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri dan Boys Brigade.

Kanak2 sekolah telah berbaris di-tepi padang.

Pasukan pencharagam champion yang terdiri dari pasukan pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

nei, Pulis Di-Raja Brunei dan Askar Gurkha Rifle telah mengiringi perbarisan tersebut.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair telah memerluksa perbarisan itu dan juga menerima tabek kehormatan.

Tuan Yang Terutama menerima tabek kehormatan dari atas sebuah pentas bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Haji Mohammad Yusof bin

(LIHAT MUKA 8)



Latehan menembak meriam katak

BANDAR BRUNEI. — Pasukan Meriam Katak Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menembakkan meriam2 katak jenis 81 millimeter pada hari Isnin 30 Jun dan hari Selesa 1 Julai, 1969.

Penembakkan itu akan berlangsung di-antara pukul 8.00 pagi hingga pukul 1 tengah hari di-kedua2 hari tersebut dari tempat penembakkan di-Kampung Binturan di-Daerah Tutong.

Meriam2 katak itu boleh di-tembak kapada jarak yang jauh sekali sa-jauh 1,500 meter dan peluru2-nya boleh di-tembak ka-atas sa-habis tinggi 8,500 kaki.

Penduduk2 Kampung Binturan, Bukit Panggal, Bandong dan Penanjang ada-lah di-minta menjauhkan diri dari kawasan tersebut semasa latehan itu di-jalankan.

Mereka mesti-lah jangan membiarkan bintang ternakan mereka masuk ke-kawasan yang merbahaya itu.



D. Y. M. M. akan menyampaikan sijil2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan berchemar Duli ka-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak untuk menyampaikan sijil2 Perguruan kepada penuntut2 Maktab Perguruan Brunei.

Upachara menyampaikan sijil2 itu akan berlangsung pada hari Sabtu ini, 21 Jun pagi.

Sa-ramai kira2 300 orang

guru2 yang terlalih akan menerima sijil2 kelayakan mereka.

Ini-lah pertama kali-nya penyampaian sijil2 itu di-lakukan sejak tahun 1965 dan sa-bahagian dari guru2 yang akan menerima sijil2 tersebut ada-lah terdiri dari mereka yang telah lulus dalam tahun 1966.

Guru2 yang akan menerima sijil itu ada-lah terdiri dari tiga kumpulan. Kumpu-

Duli Yang Maha Mulia sedang memegang gelas minuman bagi mengucapkan selamat atas hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen dalam satu majlis jamuan yang di-adakan di-Residency pada malam Ahad lepas. Di-kiri Baginda kehormatan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi, Awang Adair sedang memerluksa barisan kehormatan di-upacara perbarisan bagi menyambut hari keputeraan Baginda Queen di-padang Besar Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

lan "A" ia-lah yang terdiri dari yang memegang Sijil Persekolahan Sa-berang Laut; kumpulan "B" ada-lah terdiri dari yang memegang Sijil Rendah Pelajaran. Kedua2 kumpulan itu telah menjalani kursus perguruan di-maktab itu sa-lama tiga tahun.

Kumpulan "C" ia-lah untuk guru2 Melayu yang telah menjalani kursus khas sa-lama dua tahun dalam bahasa Inggeris.

300 anak ayam di-bahagi2kan ka-Ulu Belait

BANDAR BRUNEI. — Tiga ratus ekor anak ayam dan makanan-nya telah di-bahagi2kan kepada peladang2 di-Ulu Belait pada minggu lalu.

Anak2 ayam itu di-angkut dari Bandar Brunei ka-Ulu Belait dengan menggunakan sa-buah helikopter.

Pembahagian anak2 ayam dan makanan-nya itu ada-lah di-bawah ranchangan Jabatan Pertanian untuk menambahkan hasil ternakan ayam di-negeri ini.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam berkata sa-takat ini Jabatan Pertanian telah membagikan sa-banyak 2,200 ekor anak ayam dan 30,000 pound makanan ayam kepada 44 unit di-empat buah daerah dalam tahun ini.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian sedang meranchang hendak membina banyak lagi unit2 ternakan ayam dalam tahun ini di-daerah2 Brunei-Muara, Tutong dan Temburong.

Ranchangan tersebut telah di-lancharkan pada tahun lalu untuk menjamin penduduk2 yang diam di-kawasan luar bandar mendapat zat protein yang chukop dalam makanan mereka sa-hari2.

Di-samping itu peladang2 juga berpeluang mendapat baja yang menchukopi bagi tanaman mereka.

Pada tahun lalu, Jabatan Pertanian telah membagikan lebih dari 20,000 anak ayam dan kira 2,500 pikul makanan-nya kepada peladang2 di-seluruh negeri.



Peraduan seni lukis sambutan hari keputeraan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Peraduan seni lukis akan di-adakan berhubung dengan perayaan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Bandar Brunei.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kapada orang ramai dan kapada semua sekolah2 dan maktab2 di-seluruh negeri.

Peraduan itu akan di-bahagi-kan kapada tujoh bahagian ia-itu: Modern Art, Portrait, Lukisan Benda, Pattern atau Design, Poster2 mengenai perayaan sambutan Hari Keputeraan, Sculpture dari kayu, batu, buloh, tanah atau lain2 bahan, dan lukisan pemandangan.

Lukisan2 boleh di-lukis dengan chat minyak, water colour, atau powder, pastel, crayon, pensel atau arang atau gouache atau da'wat.

Sa-orang juruchakap jawa-tankuasa peraduan itu berkata, semua lukisan mesti-lah tidak lebih dari 30 inch pan-

jang dan 25 inch lebar dan tidak kurang dari 10 inch lebar dan 12 inch panjang.

Seumua lukisan mesti-lah di-berikan tajok dan di-frame dan di-letakkan di-atas kertas tebal.

Beliau berkata, peserta2 yang ingin hendak menjual lu-kisan2 atau sculpture2 mereka mesti-lah membubuh harga-nya.

Peserta2 mesti-lah meng-hantar lukisan2 atau sculp-ture2 mereka tidak lewat dari 1 Julai.

Bagi orang ramai, barang yang di-pertandingkan itu, hendak-lah di-hantarkan ka-pada Awang Abdullah bin Ali di-alamatkan Sekolah Melayu SMJA Padang di-Bandar Brunei.

Bagi sekolah2 menengah tinggi dan maktab2, barang2 yang akan di-pertandingkan itu mesti-lah di-hantarkan ka-pada Awang Bungsu bin Sal-leh, di-alamatkan SMJA Padang, Bandar Brunei.

Bagi Sekolah2 Menengah Rendah, barang2 itu hendak-lah di-hantarkan kapada Awg. Suhaili bin Umar di-SMJA Padang di-Bandar Brunei, dan bagi Sekolah2 Rendah kapada Awang Jaafar bin Idris dan Awang Jaafar bin Abdul Wahab, kedua-nya di-SMJA Padang, Bandar Brunei.

Peraduan itu akan di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei.

Gambar atas menunjukkan pekerja2 Jabatan Pertanian dengan di-awasi oleh Pembantu Pegawai Haiwan, Awang Ariffin bin Abdul Rahman (kiri sekali) kelihatan sedang mengangkat anak2 ayam un-tuk di-bahagi2kan kepada pe-ladang2.

Sokan tahunan

Sekolah Menengah

S. M. J. A.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Pertama SMJA, Bandar Brunei telah mengadakan sokan tahunan-nya yang ke-tiga di-padang SMJA pada minggu lepas.

Sokan tersebut telah di-ras-mikan oleh Penolong Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Mohammad Hussein bin Mohammad Yusof.

Lebih dari 100 orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam 30 achara yang di-pertanding-kan pada hari itu.

Timbalan Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam temasha sokan itu.

Balai pulis akan di-bena untuk Kampong Lamunin

BANDAR BRUNEI. — Kampong Lamunin di-Daerah Tu-tong akan mempunyai sa-buah balai pulis tidak beberapa lama lagi.

Tawaran bagi pembinaan balai pulis itu sekarang sedang di-keluarkan kapada pembo-rong2.

Balai pulis yang di-chadangkan itu akan di-bena di-batu 10 Jalan Kuala Abang.

Rangkaian balai pulis itu akan mengandungi balai pulis, barek2 yang berasingan bagi pulis2 yang beristeri dan bu-

jang, sa-buah kanten dan ru-mah merinyu.

Juruchakap itu berkata, se-lurop projek itu di-anggarkan menelan belanja kira2 \$620,000.

Beberapa buah balai pulis telah di-bena di-kawasan luar bandar pada tahun lepas.

Ini termasuk balai pulis di-Labu Estate di-Temburong yang mula di-gunakan pada awal bulan lepas dan balai pulis di-Labi di-Daerah Be-lait.

BANDAR BRUNEI. — Satu pameran bunga anggerek dan bunga2an akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 19 dan 20 Julai hadapan berhubung dengan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Ba-ginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Orang ramai yang ingin hendak menyertai pameran itu di-minta membuat persiapan dari sekarang.

Pameran bunga anggerek

PADA 7 haribulan Jun 1969, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Hari Pelajar sekolah2 Melayu bahagian rendah bagi seluruh Negeri Brunei dalam satu perhimpunan yang berlangsung di-padang besar, Bandar Brunei.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia bagi merasmikan Hari Pelajar itu ada-lah menunjukkan bahawasa-nya Baginda mengambil perhatian yang amat berat terhadap pelajaran dan pendidekan di-negeri ini.

Hari Pelajar antara lain bertujuan supaya memberi peluang kepada seluruh ibu bapa dan penjaga murid2 untuk menyaksikan sendiri chara2 anak mereka belajar, untuk melihat sendiri chara2 guru2 menyampaikan pelajaran, untuk memperhatikan sendiri kegiatan2 yang di-lakukan oleh anak2 mereka, di-samping itu guru2 ada-lah mengalu2kan sa-barang pertanyaan mengenai dengan pelajaran murid2 supaya guru2 itu dapat memberikan penjelasan akan kedudukan yang sa-benar-nya.

Dalam pada itu jika ada pengaduan atau chadangan2 yang berkebijakan maka guru2 akan bersedia memberikan pertimbangan bagi maksud memesatkan lagi kemajuan pelajaran dan pendidekan di-negeri ini.

Sa-benar-nya Hari Pelajar merupakan satu peluang yang keemasan bagi ibu bapa dan penjaga murid2 untuk datang ka-sekolah2 dan untuk bertukar2 fikiran dengan guru2 yang memainkan peranan penting dalam bidang pelajaran dan pendidekan murid2.

Dengan ada-nya pertemuan dan berpandangan wajah dalam suasana muhibbah di-an-tara ibu bapa dan penjaga murid2 dengan guru2 akan timbul-lah atau akan kekal-lah perasaan saling mengerti dan kerjasama antara sekolah dengan pehak ibu bapa.

Kerana kemajuan murid2 dalam bidang pelajaran dan pendidekan tidak-lah semata2 bergantong kapada guru, atau dengan kata yang lain guru2 tidak-lah bertanggong jawab sa-ratus peratus di-atas kemajuan murid2 itu, bahkan tanggong jawab yang sa-demikian terpikul juga di-atas bahu ibu bapa dan penjaga murid2 itu sendiri oleh yang demikian dengan ada-nya Hari Pelajar ibu bapa dan penjaga2 murid dapat bertukar2 fikiran dan merundingkan mengenai dengan kemajuan atau kemundoran pelajaran kanak2 sekolah.

Hari Pelajar merupakan peluang ke-emasan bagi ibu bapa

KHUTBAH JUMA'AT

Ibu bapa harus meluangkan masa utk. melawat ka-sekolah2 utk. meninjau kemajuan pelajaran anak2 mereka, kerana kemajuan pendidekan itu tidak semata2

bergantong kapada guru

Negeri kita yang sedang membangun ini sangat-lah memerlukan pemuda pemudi yang berpelajaran bagi maksud memenohi kehendak2 negara kapada raayat yang berpengetahuan dalam segenap bidang kemajuan dan perkembangan yang sedang di-lancharkan sekarang ini dan keadaan sekarang ini merupakan chabaran kapada sekolah2 termasok-lah guru2 dan ibu bapa untuk menentukan sikap dan mengambil tindakan2 yang tegas bagi memenohi ke-

hendak negara dan menyelaraskan pembahagian tenaga manusia yang aktif dalam bidang kemajuan dan pembangunan.

Oleh itu ibu bapa dan penjaga murid2 ada-lah di-serukan supaya Hari Pelajar jangan-lah berlalu bagitu saja, bahkan lawat-lah sekolah2, adakan-lah perhubungan yang baik dengan pehak sekolah bagi maksud kebaikan dan kemajuan pelajaran dan pendidekan murid2 yang bakal



menjadi raayat yang mempunyai pengetahuan yang sem-purna untuk berkhidmat dengan jujur-nya kapada ugama, bangsa dan Negara Brunei Darus-salam yang terchinta ini.

Sambutan Maulud di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Lebih dari 2,000 orang umat Islam dari 50 buah kumpulan di-Daerah Tutong di-jadualkan akan menyertai perarakan mengelilinggi Pekan Tutong pada hari Jumaat 20 Jun untuk merayakan hari keputeraan junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. bagi daerah itu.

Kumpulan2 yang mewakili persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kampung2, sekolah2 rendah dan menengah itu pada mula-nya akan berhimpun di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada pukul 2.30 petang sa-belum memulakan perarakan tersebut.

Sa-telah selesai perarakan, mereka kemudian-nya akan berhimpun semula di-padang itu untuk mendengar sharah-an2 mengenai riwayat hidup dan ajaran Nabi Mohammad s.a.w.

Pada sebelah malam-nya pula bertempat di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim akan di-adakan Pesta Maulud.

Pesta tersebut akan di-mulakan jam 7.30 malam.

Antara yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-lah sa-buah derama.

Lain2 achara termasok-lah peraduan2 membacha sajak dan berzanji.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 18 Jun, 1969 hingga ka-hari Selasa 24 Jun, 1969 ada-lah saperlai di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
18 Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
19 Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
20 Jun	12-27	3-47	6-38	7-50	4-37	4-52	6-08
21 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
22 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
23 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09
24 Jun	12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



18 Jun, 1969.

FAEDAH HARI PELAJAR

SEKARANG kita sedang berada dalam suasana Hari Pelajar yang di-adakan di-selu-roh sekolah2 Melayu menurut jadual2 yang telah di-tentu-kan sa-hingga 29 Jun ia-itu sa-bagi tarikh penyudah Hari Pelajar yang di-adakan pada tahun ini.

Hari Pelajar ada-lah besar faedah-nya bagi kemajuan pelajaran Melayu di-negeri ini, lebuh2 lagi apabila hari itu di-gunakan dengan sa-baik2-nya. Dua gulongan yang akan menerima faedah yang besar itu ia-itu gulongan ibu bapa, pen-jaga2 murid dan murid2 sendiri.

Ibu bapa dan penjaga2 mu-rid telah di-beri peluang dengan sa-baik2-nya, malah di-alu2kan untuk datang ka-sekolah2 di-mana anak2 mereka se-dang menuntut. Mereka di-persilakan datang ka-sekolah bukan-lah dengan tujuan han-ya sekadar menyaksikan bagaimana anak2 mereka belajar, bermain, bertukang dan sa-ba-gai-nya — atau hanya sekadar menyaksikan bagi mana sa-sarang guru itu menyampaikan pelajaran kapada anak2 mereka, bahkan ibu bapa dan penjaga2 murid itu ada-lah di-alu2kan untuk mengutarkan pandangan2 mereka mengenai dengan persekolahan anak2 me-reka itu. Mereka ada-lah bebas mengemukakan pendapat2 walau pun yang berbau protes asal saja mempunyai tujuan2 yang membawa demikian kema-juan pelajaran bukan hanya untuk anak2 mereka bahkan amat berguna untuk bangsa dan tanah ayer.

Para guru yang bertugas, malah guru besar sekali pun tetap mengalu2kan idea2 yang membenar itu kerana para guru itu mempunyai rasa tanggong-jawab mereka untuk mendidik anak bangsa mereka agar be-nar2 berguna di-masa depan. Dan mereka amat gusar sekali apabila berbangkit masaalah2 kemunduran bangsa kita di-lapangan pelajaran, kerana me-reka juga akan turut memikul bebanan itu nanti, walaupun tidak seratus persen terpikul di-bahu mereka. Waktu ini-lah para bapa dan penjaga2 murid harus menggunakan peluang2 itu dengan sa-baik2-nya dan menganggap hari pelajar sa-bagi satu rahmat untuk me-reka pada menyediari kemajuan persekolahan anak2 mereka dan bekerjasama dengan guru2 un-tuk mengafasi sebarang masalah persekolahan.

Tanggong-jawab persekolahan tidak-lah terletak bulat2 kapada guru2 sahaja, bahkan separoh daripada-nya ada-lah merupakan tanggong-jawab para ibu-bapa dan penjaga2 murid.

Masaalah persekolahan ada-lah merupakan masaalah bersama dan harus di-selasaikan sa-tiap perkara yang berba-git dalam suasana yang har-moni dan penoh bertanggong-jawab.

Kita sekarang berada da-lam zaman yang serba mem-bangunan dan kerana itu sa-tiap langkah harus-lah di-se-laraskan dengan kehendak za-man agar kita tidak di-katakan maseh di-ulit oleh pandangan2 yang kuno sifat-nya.

DULI Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sul-tan dan Yang Di-Pertuan Ne-geri Brunei telah meluluskan undang2 zakat dan fitrah di-negeri ini.

Siaran itu telah di-kelu-kan dalam Warta Kerajaan yang bertarikh 25.1.69 dan kuat kuasa undang2 tersebut berjalan mulai 1.1.69.

Majlis Ugama Islam Brunei telah mengumumkan beriku-tan dengan kuat kuasa undang2 zakat dan fitrah yang berjalan mulai tahun ini ba-hawa pembayaran zakat dan fitrah bagi Umat Islam di-se-lu-roh negeri tidak lagi di-laku-kan seperti tahun2 yang lalu dengan memberikan zakat dan fitrah kepada orang2 tertentu atau sa-barang orang perseorangan yang di-pileh dan di-sukai.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika mengumumkan perkara ini menyatakan bahawa umat Is-lam di-negeri ini ada-lah di-ingatkan supaya membayar zakat dan fitrah mereka melalui pegawai2 yang akan di-lantek oleh Majlis Ugama Islam.

Menurut Awang Yahya, pe-gawai2 yang di-maksudkan itu di-kenali sa-bagai 'AMIL' yang terdiri daripada Imam2, Pegawai2 Ugama atau mana2 orang yang di-lantek oleh Majlis Ugama Islam di-tiap2 Kampong masing2 di-seluroh negeri dan nama2 mereka akan di-umumkan kapada penduduk kampong masing2.

'AMIL' itu-lah yang akan menjalankan tugas pendaftaran kapada semua penduduk Islam yang berhak mengelu-kan zakat dan fitrah di-tiap2 kampong dan juga menyam-paiakan hasil kutipan zakat dan fitrah itu kapada orang2 yang berhak menerima-nya.

Menyentoh mengenai undang2 Ugama Islam No. 20/-1955, Awang Yahya mene-kangkan bahawa walaupun kuat kuasa undang2 tersebut berjalan sejak tahun 1955 te-tapi satakat mengenai zakat dan fitrah dari tahun itu hingga ka-akhir tahun 1968 be-lum-lah dapat di-laksanakan di-sebabkan kekurangan pega-wai2 yang menguruskan per-kara itu.

Terapai pada tahun ini ia-nya baru-lah dapat di-buat itu pun dalam keadaan yang barang kali maseh kekurangan pegawai2-nya.

Pada tahun2 yang lepas itu juga sa-belum undang2 za-kat dan fitrah dapat di-jalan-kan, orang2 Islam di-negeri ini ada di-antara-nya menge-luarkan zakat dan fitrah me-reka kapada orang2 yang di-sukai-nya saja atau orang2 tertentu yang di-fikirkan me-reka layak dan berhak menerima-nya.

Kuatkuasa undang2 Zakat dan Fitrah berjalan mulai 1 Januari, 1969.

Oleh:

Abd. Rahim Walli.

Di-samping itu ada juga di-antara orang2 Islam sendiri memberi zakat dan fitrah me-reka kapada sa-seorang kera-na orang2 itu di-sifatkan sa-bagi orang yang berketuru-nan penerima zakat dan fitrah dari sejak datok ninek-nya hingga membawa ka-anak chuchu-nya dan ini di-kenali sa-bagai 'zakat dan fitrah ke-rana warith'.

Masaalah yang serupa ini-lah yang harus di-ambil per-hatian kerana ada juga di-antara orang2 Islam sendiri kurang faham tentang mak-sud2 dan hukum2 pemberian zakat dan fitrah yang akhir-nya menimbulkan salah pen-gertian yang menyebabkan pengeluaran zakat dan fitrah dan mereka itu tidak sah di-sisi hukum Shara'.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam itu menerangkan bahawa tujuan undang2 zakat dan fitrah itu di-kuat kuaskan dan pelaksanaannya berjalan mulai 1hb. Januari tahun ini ia-lah untuk menen-tukan pembahagian zakat dan fitrah yang sama rata dan sama banyak dalam satu2 kampong di-mana orang2 yang harus menerima zakat dan fitrah itu akan merasa-kan sama adil tanpa ada-nya pileh kaseh.

Pada tahun2 yang lalu oleh kerana zakat dan fitrah itu di-bahagikan dengan tidak chukop teritor iaitu pemberian dengan sa-suka hati saja, maka pembahagian atau fa-e-dah2 zakat dan fitrah itu ti-dak-lah banyak mendatangkan kesan yang besar kapada orang2 yang patut menerima-nya.

Mithal-nya di-dalam satu kampong ada banyak orang patut menerima zakat dan fitrah, tetapi kadang2 ada juga yang tidak menerima langsung atau pun ada yang mene-ri-ma banyak dan ada yang menerima sedikit.

Dalam hal serupa ini ada juga orang yang memberikan zakat dan fitrah itu ka-tempat lain yang terkeluar dari tem-pat atau kampong-nya sendiri kapada siapa2 saja yang di-niatkan dalam hati.

Dengan ada-nya kuat kuasa undang2 zakat dan fitrah yang berjalan pada tahun ini, maka perkara2 saperti tersebut di atas tadi tidak akan ber-

laku lagi di-masa2 akan da-tang.

Amil2 yang di-lantek akan bertugas sa-tiap masa bagi pehak Majlis Ugama Islam untuk mendaftar orang2 yang akan mengeluarkan zakat dan fitrah dan mendaftarkan juga berapa banyak 'asnaf2' yang berhak menerima zakat dan fitrah itu yang kemudian-nya Amil2 itu akan membahagi-kan kapada mereka (asnaf2).

Awang Yahya menerangkan sa-lanjutnya bahawa per-katan 'asnaf2' yang di-mak-sudkan dalam pemberian za-kat dan fitrah ia-lah enam je-nis manusia yang terdiri: 1. fakir 2. miskin 3. mualaf 4. Orang2 yang berhutang yang di-haruskan oleh Ugama Is-lam 5. Orang musafir yang keputusan wang dan 6. Amil sendiri.

Salah satu dari asnaf2 itu-lah yang berhak dan harus di-beri za-kat dan fitrah yang ada terdapat di-dalam negeri ini.

Di-tanya mengenai pengeluaran fitrah pada tahun ini, Awang Yahya menerangkan bahawa fitrah pada tahun ini akan di-umumkan oleh Pejabat Kadhi Be-sar sa-belum Hari Raya Idulfitri.

Menyentoh mengenai zakat akan di-umumkan kemudian setelah perkara2 yang wajib di-za-katkan itu di-ketahui daripada orang yang akan mengeluarkan zakat itu sendiri.

Mithal-nya saperti zakat terena-kan termasuk kerbau, lembu dan kambing, zakat padi, zakat harta benda, zakat perniagaan, zakat emas dan perak dan zakat wang simpanan.

Majlis Ugama Islam dalam menjalankan kedua2 kutipan itu hanya mengumpulkan kedua2-nya dan tidak-lah akan menggunakan daripada-nya untuk maksud2 lain sa-lain daripada membahagi-kan kepada asnaf2.

Menurut Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam itu lagi, tin-dakan undang2 yang di-kanunkan dalam zakat dan fitrah akan di-ambil kapada siapa saja orang2 Islam yang tidak mahu atau enggan mengeluarkan zakat dan fitrah yang wajib di-keluarkan dan mereka itu boleh di-hukom penjara sa-lama 14 hari atau di-denda sa-banyak \$100.00.

Akhir-nya Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam itu mengha-rapkan supaya semua kaum muslimin di-negeri ini akan bekerja-sama bagi menjayakan maksud yang baik itu untuk kepentingan orang2 yang berhak menerima za-kat dan fitrah.

Kata-nya, dengan ada-nya ker-jasama itu, maka perasaan tang-gong jawab bersama terhadap ugama dan masyarakat Islam di-Brunei akan dapat kukuh lagi dan dapat menghapuskan perasaan tinggi rendah antara kaum yang berada dengan yang tidak ber-ada.

Sambutan Maulud Nabi di-sana sini




Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain — Kadzi Besar Negeri Brunei sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Damit bin Haji Kawang naib-johan Peraduan Berzanji Pesta Maulud Nabi Negeri Brunei anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei baru2 ini.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin dan Pegawai Daerah Belait Pengiran Dato Paduka Momin mengepalai barisan perarakau Maulud Nabi di-Pekan Seria pada 7 Jun, 1969. Lebih dari 40 pasukan yang mengandungi kira-kira 3,000 orang telah mengambil bahagian dalam perarakau itu.



Salah satu pasukan perempuan yang mengambil bahagian dalam perarakau Sambutan Maulud Nabi di-Kampung Subok pada hari Jumat 13 Jun, 1969. Ini-lah pertama kali mereka penduduk2 Kampong Subok dan Belimbang mengadakan sambutan tersebut.



Gambar2 BP/JHEU

Pegawai Daerah Tutong ra smikan mashuarat agong G.P.P.S.

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela Tutong (GPPS) pada hari Sabtu lepas di-Dewan Sekolah Menengah Muda Hashim, Pekan Tutong.

Beliau telah memberikan uchapan nasihat di-samping menguchapkan tahniah atas kejayaan persatuan tersebut pada melaksanakan projek2 kegiatan-nya pada tahun lepas.

Turut juga beruchap di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain.

Ahli jawatankuasa tertinggi yang baru bagi persatuan

itu ia-lah Yang Di-Pertua Awang Suni Haji Idris, Naib Yang Di-Pertua Awang Abdul Aziz bin Abdul Latif, Setiausaha Agong Awang Md. Shariff bin Haji Naweh, Ben-dahari Agong Awang Marsal bin Lagong, Penasihat Ugama Ustadz Abdul Hamid bin Md.

Daud dan Pengurus Awang Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Pengarah bahagian sharikat pengangkutan bas GPPS ia-lah Awang Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar dan Setiausaha Kewangan-nya ia-lah Awang Marsal Lagong.

Perlawanan

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Tunas Harapan — PATUH akan menganorkan perlawanan tarek tali bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23.

Perlawanan tersebut terbu-ka pada semua persatuan2 be lia, jabatan2 kerajaan, kam pong2, sharikat2 perniagaan,

tarek tali anjoran PATUH

maktab2, sekolah2 menengah. Perlawanan tersebut di-jadualkan akan di-mulakan dalam awal bulan Julai hadapan.

Bayaran masok bertanding ia-lah \$10.00 bagi tiap2 satu pasukan.

Tiap2 pasukan hendak-lah mengandungi 10 orang dan 3 orang simpanan.

Borang2 bagi memasuki perlawanan itu boleh di-da-

pati daripada Pengiran Jadid bin Pg. Haji Omarali dan Pg. Othman bin Pg. Haji Muhammad, di-Jabatan Kerja Raya, Brunei, Pengiran Sulaiman bin Pg. Buntar, Jabatan Penchen Negara dan Awang Tahir bin Haji Abd. Wahab, Jabatan Odit, Brunei.

Borang2 yang telah di-isi-kan bersama2 dengan bayaran masok hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 30 Jun ini.

DALAM siri pertama tajok perbinchangkitan kita pada minggu lepas, kita telah sama2 mendengar apa dia semantik atau semasioloji yang diambil dari kata Yunani "semainein" dengan makna ilmu makna, kajian arti-kata. Dan salah satu daripada bidang semantik yang menarik perhatian untuk di-bahaskan ia-lah perubahan makna atau maksud tujuan dari kata yang maseh tetap di-pakai dahulu demikian juga sekarang, tetapi arti-nya berlainan. Sa-belum kita selami masa'alah ini lebih mendalam, ada baiknya kalau kita tinjau terlebih dahulu dari segi yang mudah, ia-itu kata2 yang arti dan maksud sa-bermula-nya telah terkeluar daripada-nya dalam pemakaian sa-hari2, umpama-nya-lah kata 'hiboran'. Dan, dalam membinchangkitan kata 'hiboran' ini, ada baiknya juga kalau kita tajokkan isi perbinchangkitannya dengan "Mari menchari hiboran" atau "Mari bersukaria", atau pun "Mari berrekreasi".

Pada hakikatnya "waktu bebas" atau "masa lapang" atau pun "waktu senggang" memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan kita sa-hari2, istimewa kaum muda-mudi serta pelajar2. Bayangkanlah betapa ramainya orang2 menyaksikan pertandingan2 sokan, atau pun yang berduyun2 memenohi panggong wayang-gambar, atau pun tempat hiboran lainnya, terlebeh2 lagi di-bandar raya.

Sudah pada tempatnya-lah bahawa "waktu bebas" itu harus dapat kita nikmati sa-suai

APA DIA SEMANTIK?

SIRI KEDUA

Oleh
Awang Raymond Phoa Kim Hong,
Pensharah Bahasa dan Kesusteran
Melayu di-Maktab S.O.A.S., Brunei.

dengan irama hidup kita sa-hari2. Tetapi bentuk yang ba-gaimana-kah yang harus kita ambil, yang mendatangkan faedah bagi kita, bagi perkembangan fikiran, tuboh, dan jiwa kita sa-lanjut-nya? Memang sa-sudah kerja atau belajar mesti-lah ada istirehat; sa-sudah pemusatan segala daya-fikiran mesti-lah ada waktu untuk menenangkan-nya kembali. Ada beberapa pertanyaan yang munasabah kita ajukan dan jawab sendiri bagi renongan bersama:

Pertama — apa memangkah mustahak 'hiboran'..... memang perlu-kah kita berkata "Mari menchari hiboran, bersukaria, ber-rekreasi"? Apabila sa-orang ayah bekerja sa-panjang hari, katakanlah di-pejabat pelajaran, maka sadar atau tidak-nya, dia akan merasa leteh juga; dan kalau dia terus menerus dalam keadaan demikian, maka lambat-laun akibat-nya dia tak akan dapat menguasai kelelahan-nya, kepenatan jasmani, jiwa, dan fikiran; maka dengan demikian, mulai-lah dia merasa kurang senang, hilang kegembiraan-nya yang dahulu ada, dan lekas2 marah. Bukan-lah demikian keadaan-

nya dengan kita masa kecil, kalau terus2 di-suroh ayah atau ibu belajar tanpa bermakna, kita merasa kechewa, malahan kadang-kala timbul rasa berontak dalam hati terhadap orang-tua? Kesimpulan-nya, 'hiboran' itu memang perlu bagi kita.

Kedua — apa-kah sa-benarnya 'hiboran' itu? Istilah 'hiboran' atau pun dalam bahasa Inggeris "recreation" dari istilah Latin "re-creare", bermakna mengichta sa-mula atau pun membangun kembali, dalam kata lain, bersukaria, berrekreasi, atau menchari hiboran atau pun menghiborkan diri, berarti membuat suatu perbuatan, kegiatan atau aktiviti yang menyegarkan tuboh, membangkitkan minat dan mengichtakan kembali keseharian dan perasaan kita, tuboh kita, fikiran kita, dan jiwa kita. Memang tiap2 orang sadar bahawa hiboran itu mempunyai arti yang banyak bagi perkembangan watak masing2; namun yang kita maksudkan di-sini ia-lah bentuk hiboran yang mendatangkan faedah bagi kita, umpama-nya menyaksikan tayangan filem latawan angkasawan2 Amerika Sharikat Anders, Bormman dan Lovelle ka-lebeh-kurang 70 batu dari permukaan bulan, yang beberapa masa yang lalu di-tayangkan di-Dewan Raya Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Penyiaran dan Pererangan, Brunei.

Ketiga — dan akhir-nya, apa-kah bentuk atau sifat hiboran yang patut kita lakukan? Penentuan baik atau buruk-nya (jahat-nya) hiboran harus-lah di-kaji dari segi etika (al-akhlak) atau pun chara-hidup bermasharakat. Dalam kata lain, hiboran bagi muda-mudi serta pelajar2 harus-lah di-ujti dalam chahaya kebebasan dan keta'atan yang kadang-kala berupa belenggu, kapada ikatan hidup bermasharakat. Hiboran itu harus-lah bukan saja bersifat individu (perseorangan) tetapi, juga bersifat sosial (bersama) dalam arti mengichtakan suasana dan keadaan persekutuan,

sa-sama jiran, bangsa, dan manusia; yang bersifat pendidekan dalam arti membentuk peribadi ka-arah 'pengua-san-dir', 'pernyataan-dir', semangat kerja-sendiri dan sa-bagai-nya yang bersifat rohani dengan arti mengayakan jiwa2 muda dalam pertumbuhan ke-

perchayaan, umpama-nya dalam segi ugama Islam yang bukan saja sa-bagai pesaka tradisi tetapi benar2 di-peraktikkan dengan penoh keyakinan. Ada-pun hiboran yang berbentuk individu ada-lah sa-perti bersenam, mendengar muzik, membacaa, melukis, menonton wayang, menikmati keindahan alam dan yang bersifat kolektif (bersama) pula ada-lah saperti bekelah dengan keluarga sendiri atau orang2 lain, bersukan bera-mai2 dan sa-bagai-nya. Salah satu fakta yang dapat memimpin pemuda-pemudi ka-arah hiboran yang sihat ia-lah 'latehan jasmani' yang di-adakan di-sekolah2, maktab2 atau pun kelab2 muda-mudi, yang sayang-nya selalu mendapat sambutan yang jauh daripada memuaskan!

Maka dari apa yang telah kita sama dengan tadi, dapat-lah kita mengambil kesimpulan bahawa istilah 'hiboran' atau pun 'rekreasi' bermakna dan bertujuan melakukan sa-suatu dalam masa-senggang masa bebas, masa-lapang, yang mendatangkan faedah kepada perkembangan fikiran, tuboh dan jiwa kita. Chogan kata Latin "Mens — sana-in corpore-sano" atau sabda Nabi Mohammad salallah alaihi wasalam "Al-Aklus Salim, Fie Jismis Salim" dengan makna luas-nya "manusia menghendaki kesihatan tuboh, fikiran dan jiwa" bukan saja terdapat dalam mata pelajaran khas, tetapi juga dalam 'hiboran'. Tetapi, sekali lagi tetapi, betapa ramai-nya khalatayak manusia di-Barat maupun di-Timor yang menyalah gunakan kata 'hiboran' tersebut tak payah-lah kita terang-jelaskan.

Sekian-lah dulu, dan terima kasih.

Lebih 15 ribu kanak2 sekolah di-suntek chegah ta'un

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah selesai menjalankan kempen menyuntek sa-chara berama2 di-sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara bagi menentang penyakit ta'un.

Pegawai Perubatan Kesihatan, Dr. Y.H. Paik berkata, rombongan2 penyuntek telah menyuntek sa-ramai 15,906 orang kanak2 di-48 buah sekolah di-daerah itu semasa kempen itu di-jalankan mulai 12 Mei hingga 5 Jun.

Dr. Paik berkata, 3,116 orang kanak2 juga menerima dos2 booster ubat sabine dalam kempen menyuntek sa-chara berama2 bagi menentang penyakit lumpoh.

Kanak2 sekolah, ka-semuanya di-bawah 9 tahun sekarang mempunyai kekuatan untuk melawan penyakit lumpoh.

Mereka telah menerima dos2 permulaan ubat sabine dalam tahun lepas.

Dr. Paik berkata, rombongan2 itu sekarang menjalankan kempen menyuntek ubat pen-

chegah ta'un dan lumpoh di-25 buah sekolah di-Daerah Tutong.

Jabatan Perubatan dan Kesihatan juga membuat rancahan bagi memberi suntukan ta'un kapada penduduk2 di-kawasan2 ulu Daerah Brunei/Muara dan Lovelle.

SOKAN TAHUNAN YANG PERTAMA MAKTAB S.O.A.S. BAHAGIAN RENDAH

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Persediaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan sokan tahunan-nya yang pertama di-padang SMJA pada minggu lalu.

Sa-ramai 148 orang murid telah mengambil bahagian dalam 20 jenis perlawanan termasuk lumba lari berganti2 4 x 400 meter antara sekolah dan lumba lari kaki tangan dan guru2 sekolah itu.

Turut menyaksikan temasha sokan itu ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Awang Haji Mohamad Jamil Al-Sufri.

Peraduan Pengantin Bersanding anjoran M.B.B.

BANDAR BRUNEI. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan mengadakan satu peraduan Pengantin Bersanding pada 28 Jun bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak, Bandar Brunei.

Peraduan tersebut terbuka kepada semua persatuan2 belia di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei berkata, tujuan di-adakan peraduan tersebut ia-lah untuk menghidupkan kembali adat istiadat perkahwinan orang Brunei di-masa silam untuk di-ketahui oleh generasi muda hari ini.

Permohonan2 untuk masok berstanding hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 10 Jun.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar kapada Awang Abdul Rahim bin Mat Wali dan Dayangku Intan bte. Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di-alamat Radio Brunei dan Awang Ismail bin Ibrahim di-Maktab SOAS, Bandar Brunei.

Pengakap tinjau kegiatan Pasokan Laut AMDB



MUARA. — Satu rombongan 29 orang anggota Pasukan Pengakap Laut Venture pada minggu lepas telah melawat pasokan laut Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Muara.

Sa-tiba mereka di-pengkalan itu, mereka di-sambut oleh Kaptan Mohammad Hussein bin Haji Mohammad, yang ke-mudian-nya menerangkan mengenai tugas dan tanggong jawab kompeni itu.

Rombongan itu telah di-perlukat dengan kapal2 pasokan itu termasuk kapal2 ronda, pesawat hovercraft dan kapal KD Pahlawan, sa-lain dari mereka berpeluang melawat workshop dan tempat2 memperbaiki di-pengkalan itu.

Lawatan itu di-tamatkan dengan membawa pelawat itu menaiki kapal ronda dan hovercraft.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian daripada pengakap2 tersebut sedang di-beri penerangan mengenai dengan pesawat hovercraft ketika mereka meng-adakan lawatan ka-pasokan laut Askar Melayu Di-Raja di-Muara pada hari Jumaat lepas.

Kempen chebah ta'un di-pergiat lagi

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perubatan dan Kesihatan tidak lama lagi akan mem-bahagi2kan poster untuk mengingatkan orang ramai tentang merbahaya-nya penyakit ta'un dan chara2 menge-gah-nya daripada merebak ka-negeri ini.

Pegawai Perubatan dan Ke-sihatan, Dr. Y.H. Paik menyatakan bahawa poster2 itu ber-tujuan untuk menguatkan lagi kempen2 yang sedang berjalan bagi mengebah penyakit ta'un yang di-beritakan sa-makin merebak di-Malaysia Barat dan Singapura.

Dr. Paik berkata, poster2 tersebut di-buat dalam tiga bahasa ia-itu Melayu, China dan Inggeris.

Poster2 tersebut akan di-bahagi2kan kapada jabatan2 kerajaan, sekolah2, kampung, kedai2, Pang-gong2 wayang dan di-tempat2 orang ramai di-seluruh negeri.

Jabatan itu berchadang juga hendak menayangkan chontoh2 pe-lekat2 itu di-panggong wayang di-negeri ini.

10 orang guru dari S'pura di-pinjamkan ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 10 orang guru dari Singapura telah tiba di-Brunei pada minggu lalu untuk meng-ajar di-sekolah menengah di-sini atas pinjaman sa-lama dua tahun oleh kerajaan Singapura.

Mereka ia-lah Awang Abd-ul Latif bin Taris, Puan Kamsiah Darlan, Awang Darlan bin Zaini, Awang Moham-mad bin Bujal, Awang Amin bin Hassan, Puan Sumi-jah bte Alias, Awang Jama-ludin bin Ali, Awang Moham-mad bin Othman, Awang Ha-shim bin Hakim dan Awang Hashim bin Abdullah Alhab-shar.

Guru2 yang kebanyakannya guru2 ilmu hisab dan sains itu sekarang ini di-tempatkan di-Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei.

Ini ada-lah pertama kali ke-rajaan Singapura meminjamkan guru2 saperti itu kepada kerajaan Brunei.

Pada masa yang lampau Kerajaan Brunei mendapatkan guru2 pinjaman dari Malaysia Barat.

Perlumbaan jalan kaki bagi Pandu2 Puteri

BANDAR BRUNEI. — Pan-du2 Puteri dan Brownie dari seluruh negeri akan meng-ambil bahagian dalam satu perlumbaan jalan kaki di-sepanjang Jalan Gadong pada 29 Jun ini mulai 1.30 petang.

Perlumbaan bagi Pandu2 Puteri ia-lah sa-jauh lima batu dan Brownie sa-jauh dua batu. Perlumbaan itu akan berakhir di-padang di-simpang Jalan Gadong dan Jalan Kumbang Pasang.

Pandu2 Puteri yang meng-ambil bahagian dalam perlumbaan tersebut akan melayakkan mereka memegang len-chana hiker dan kesihatan.

Satu peraduan menduga mengenai s e m u a aspek Pandu Puteri bagi merebut Perisai yang di-hadihkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga akan di-adakan pada hari itu.

Tiga buah lagi perisai yang

di-pertandingkan ia-lah Perisai Veronica Webber bagi perlumbaan jalan kaki, perisai Mary Wheeler bagi kegiatan pa-sokan dan Perisai Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ihsani bagi peserta yang terbaik dalam semua ke-bolehan dalam perlumbaan jalan kaki dan menduga akal.


Perlumbaan itu akan di-akhiri dengan satu temasha me-nyanyi oleh peserta2 di-padang tersebut.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim

PARI SAJA KATANI INDA KAN SADAR..

JANGAN TAH KAN KABULAN
MANJUNYAK TANAH,..TANAH
SANDIRI LAGI TAGADAI..





Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Adair sedang menyampaikan Bintang C.B.E. kapada Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof.

Pmk. M. B. Bintang di-kurniakan C. B. E.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Mulia Baginda Queen telah mengurniakan Bintang Commander of the Most Excellent Order of the British Empire — C.B.E. kapada Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pengurniaan itu telah diumumkan dalam senarai penerima bintang dan pingat bagi Brunei oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair di-upachara perbarisan bagi menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Queen di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Istiadat penyampaian bintang tersebut telah di-adakan di-rumah kediaman Tuan Yang Terutama di-Jalan Residency pada sa-belah malamnya.

Tiga orang yang lain yang telah di-kurniakan oleh Baginda Queen ia-lah Dato G.E. Coster, Ketua Chawangan Khas Pulis Di-Raja Brunei

Penyampaian sijil dewasa

TUTONG. — Sa-puloh orang penuntut kelas dewasa Sekolah Melayu Kampong Menengah, Tutong telah menerima sijil pada hari Ahad lepas dalam satu upacara yang telah di-adakan bersempena Hari Pelajar sekolah tersebut.

Sijil tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Mustapha bin Arshad, selaku Yang Di-Pertua Temasha Hari Pelajar Sekolah itu.

Penuntut2 tersebut telah lulus peperiksaan bagi tahun 1967 dan 1968.

Tiga orang dari mereka lulus dalam peperiksaan perengkat pertama dan 7 orang lulus dalam perengkat tertinggi.

yang di-kurniakan bintang O.B.E., Major Arthur Steane dari pasukan Gurkha Rifle di-kurniakan bintang M.B.E. dan Awang Heincen di-kurniakan pingat C.P.M.

Sgt. Major M. Flinn yang sekarang ini di-pinjamkan kepada Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-kurniakan pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik.

KUALA BELAIT. — Daerah Belait akan mengadakan perayaan sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sa-lama lima hari mulai 15 Julai hadapan.

Ini telah di-putuskan dalam mashuarat yang telah di-adakan baru2 ini yang mana Pegawai Daerah, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah di-lantek sebagai pengurus Jawatankuasa Perayaan Sambutan itu.

Beberapa buah jawatankuasa kecil juga telah ditubuhkan untuk mengendalikan beberapa achara persembahan dalam perayaan itu nanti.

Antara achara2 yang akan di-persembahkan dalam perayaan itu termasuklah pameran bunga anggerek, perarakan tanglong dan kereta berhias serta lumba perahu yang akan di-adakan di-Sungai Belait.

Persembahan kesenian dan kebudayaan antara bangsa, aneka warna, berchuchol di-rumah2 dan kedai dan pasar gembira juga di-masukan da-



BERAKAS. — Perlumbaan motor cycle telah di-adakan di-pasir Berakas pada hari Ahad lepas (gambar atas).

Perlumbaan tersebut di-anjorkan oleh Kelab Motor Di-Raja Brunei.

Sa-banyak tiga perlumbaan telah di-adakan pada hari itu. Perlumbaan 5 pusingan, di-menangi oleh Suresh Janardanan, pertama; Sabtu Ali, kedua; dan Shamsuddin, ketiga.

Perlumbaan 10 pusingan:— pertama — Sabtu Ali, kedua — Suresh Janardanan dan ketiga — Shamsuddin.

Perlumbaan 15 pusingan — pertama — Shamsuddin, kedua — Suresh Janardanan dan ketiga Sabtu Ali.

Perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. di-Daerah Belait

lam achara perayaan itu.

Pengerusi Sambutan Perayaan itu, Pengiran Dato Paduka Momin menyatakan hasil kutipan derma yang diperolehi dari penduduk2 di-daerah itu semasa sambutan Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei tahun lepas ada-lah menggalakkan.

Beliau berkata, penduduk2 daerah itu tidak-lah berharap mendapatkan bantuan dari kerajaan untuk menjayakan perayaan itu.

56 pemberong di-daftarkan

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah mendaftarkan 56 pemberong2 bagi pemasangan kawat letrik, alat hawa dingin dan pemasangan pangkal pembahagian kuasa letrik.

Dari jumlah itu, 28 bagi pemasangan letrik dan 15 kerana hawa dingin dan tiap2 satu terbahagi kepada tiga bahagian ia-itu "A", "B" dan "C" sementara 13 bagi kerja2 pembahagian kuasa.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, dalam pemasangan kawat letrik, pemberong2 bahagian A boleh mengendalikan kerja yang bernilai lebih \$50,000; pemberong B hingga \$50,000 dan pemberong kelas C kerja2 yang berharga hingga \$10,000.

Bahagian hawa dingin, pemberong2 A boleh tender pemasangan alat2 itu yang berharga lebih \$150,000, pemberong2 klas B hingga \$150,000 hingga pemberong2 bahagian C hingga \$25,000.

Pemberong2 di-kenakan bayaran sebanyak \$100.00 bagi tiap2 satu lesen, dan ia-nya sah buat selama 12 bulan dari 1 Januari hingga 31 Disember.

Perbarisan hari keputeraan Baginda Queen

(DARI MUKA 1)
Pengiran Haji Abdul Rahim.

Turut menyaksikan perbarisan tersebut ia-lah ahli2 Majlis Mashuarat, pemimpin2 masharakat, pegawai2 kanan kerajaan dan tentera.

Pada sebelah malamnya Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Adair dan Isteri telah mengadakan satu majlis jamuan kesukaran di-tempat kediaman mereka di-Jalan Residency.

Duli Yang Maha Mulia

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan Paduka Ayahnda Baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah hadir dalam majlis tersebut.

Di-Majlis itu Tuan Yang Terutama telah menyampaikan bintang2 kehormatan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Queen bersempena hari keputeraan baginda pada tahun ini.